

MAHASISWA WAJAR AKTIF SEBAGAI SUKARELA

UM - 31/7/2000

ARAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada pengurusan universiti untuk mengambil tindakan bagi menarik penglibatan pelajar semua kaum dalam kegiatan sukarelawan mesti diberi perhatian serius.

Kita berharap pihak pentadbir universiti dengan segala bentuk tanggungjawab mereka tidak memandang ringan terhadap arahan Perdana Menteri itu.

Ini kerana hubungan antara universiti, mahasiswa dan kesukarelawan adalah berkait rapat dan ia juga meletakkan menara gading itu di tengah-tengah masyarakat yang merupakan medan sebenar aktiviti mereka.

Di satu segi universiti merupakan pusat tempat mendidik mahasiswa untuk melahirkan para pemimpin dan pelopor bagi negara yang mampu memberi sumbangan kepada rakyat dan masyarakat.

Apabila disebut mendidik, maka sudah tentu ia merangkum bukan saja bidang akademik tetapi

juga membangun peribadi yang dapat dibentuk melalui kokurikulum.

Sesungguhnya kita mesti ingat bahawa universiti bukan semata-mata lanjutan kepada sekolah kerana ia merupakan institusi yang menjadi komponen istimewa dalam sebuah negara bertamadun.

Universiti menjadi penjana idea yang menggerakkan masyarakat. Pendidikan di universiti bukan seperti sekolah atau institut latihan korporat. Ia lebih merupakan sebahagian daripada komponen pendidikan sepanjang hayat dalam masyarakat dengan universiti menjadi nadi intelektual negara.

Maka begitu juga mahasiswa. Mereka bukan pelajar seperti di sekolah atau institut latihan. Pelajar universiti yang wajar disebut sebagai mahasiswa adalah pelopor pembaharuan dalam masyarakat dan negara.

Maka untuk mencapai kedudukan mahasiswa unggul ini, mereka wajar berperanan aktif dalam masyarakat dengan menjadi sukarelawan. Semangannya mahasiswa dalam kedudukannya bukan

saja menimba ilmu di universiti tetapi kedudukan mereka itu sendiri adalah berkait dengan aktivisme.

Kalau di sekolah, kokurikulum merupakan sebahagian daripada pendidikan pelajar berkenaan. Tetapi aktivisme di peringkat mahasiswa tidak boleh lagi dianggap sebagai kokurikulum kerana ia sudah sampai kepada tahap memberi sumbangan langsung masyarakat.

Aktivisme kesukarelawan melalui kerja-kerja amal ini mendatangkan manfaat dua hala, baik bagi mahasiswa berkenaan mahupun anggota masyarakat yang menerimanya. Di sini dapatlah dilihat betapa berkait rapat antara mahasiswa dan rakyat melalui kerja-kerja amal berbentuk sukarela.

Dengan kesedaran terhadap kepentingan kesukarelawan, pihak pentadbir universiti yang mempunyai peranan besar mendukung usaha mewujudkan mahasiswa unggul akan selanjutnya berjaya menjadikan menara gading benar-benar berfungsi untuk masyarakat, rakyat dan negara.